

LAMPIRAN G

PINDAAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Kenaikan gaji pegawai Perkhidmatan Awam tidak melibatkan perubahan ke atas kadar elaun dan kemudahan yang sedang berkuat kuasa kecuali pindaan kepada perkara berikut:

1. Bayaran Insentif Wilayah

Bayaran Insentif Wilayah dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987. Lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Bayaran Insentif Wilayah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dipinda seperti berikut:

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuhan)	Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima
RM5565.61 dan ke atas	12.5
RM3566.05 – RM5565.60	15
RM1783.84 – RM3566.04	17.5
RM1176.76 – RM1783.83	20
RM841.90 – RM1176.75	22.5
RM841.89 dan ke bawah	25

2. Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas ‘C’ Bagi Pegawai Yang Bergaji Kurang Daripada RM1,611.28 Sebulan

Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas ‘C’ yang diperuntukkan di bawah Perintah Am 7(a) Bab ‘B’ seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1984 dikekalkan. Kadar gaji RM1,193.54 sebulan yang ditetapkan di perenggan B13 Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dipinda kepada RM1,611.28 sebulan.

3. Elaun Perjalanan Kenderaan

Kelas dan sukatan selinder kenderaan bagi maksud menuntut hitungan perjalanan di perenggan B14 Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dipinda seperti berikut:

Kelas	Gaji	Sukatan Selinder Kenderaan (s.s)
A	Tidak kurang dari RM2,323.41 sebulan	1400 s.s ke atas
B	Tidak kurang dari RM2,064.60 sebulan	1000 s.s ke atas
C	Tidak kurang dari RM1,611.28 sebulan	Di bawah 1000 s.s
D	Kurang dari RM1,611.28 sebulan	Tidak kurang 175 s.s
E	Kurang dari RM1,611.28 sebulan	Di bawah 175 s.s